

Dalam Negeri

berita@utusan.com.my



NAJIB Tun Razak bersama pemenang-pemenang Anugerah Kecemerlangan Industri 2010 di Kuala Lumpur, malam tadi. Turut hadir: Mustafa Mohamed. - BERNAMA

PM cabar gandakan eksport dalam tempoh lima tahun

KUALA LUMPUR 24 Mac - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mencabar seluruh pihak dalam industri ekonomi untuk menggandakan eksport barangan dan perkhidmatan dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri berkata, ia bukanlah sesuatu yang mustahil dengan adanya kerjasama efektif antara pihak industri dan kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Antar-

tarabangsa dan Industri (MITI) serta agensi-agensi berkaitan ekonomi lain.

"Ini juga selaras dengan hasrat saya untuk melihat lebih banyak syarikat Malaysia mencapai tarat antarabangsa seterusnya menyumbang kepada pengembangan eksport dan perdagangan luar," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Kecemerlangan Industri

(AKI) 2010 di sini malam ini.

Pada majlis sama, beliau turut menyampaikan anugerah kepada lima pemenang utama AKI 2010 daripada 30 pemenang termasuk anugerah utama iaitu Anugerah Perdana Menteri Untuk Kecemerlangan Industri kepada Institut Teknologi Maklumat Asia Pasifik. Turut hadir, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Datuk Seri Mustafa Mohamed dan Pengerusi Majlis Anugerah, Tan Sri Datuk Azman Hashim.

Najib menambah, pihak industri perlu menyedari bahawa penggunaan negara banyak bergantung kepada kemampuan mereka untuk meningkatkan keupayaan ekonomi.

Di peringkat domestik, kata beliau, kerajaan akan memastikan kerenah birokrasi dikurangkan menerusi antaranya badan seperti Pausukan Petugas Pemudah Cara Perniagaan (Pemudah) yang turut bertindak meningkatkan sistem penyampaian sektor awam.

"Dalam masa sama, sektor swasta juga perlu memahitkan peranan dengan meningkatkan sistem penyampaian dan kecekapan masing-masing," katanya.